

44

NO. SOALAN: 322

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kutipan levi RM10.00 bagi setiap pelancong asing yang telah dikutip oleh pihak Kementerian sejak diperkenalkan sehingga sekarang dan ke manakah wang tersebut disalurkan.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Cukai Pelancongan yang dikenakan terhadap pelancong asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia mula dikutip pada 1 September 2017 oleh pengendali premis penginapan dan dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Berdasarkan data yang diterima daripada Kementerian Kewangan, hasil kutipan Cukai Pelancongan bermula 1 September 2017 sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM39,975,634.00. Dari segi pembahagian kepada setiap negeri pula, Kementerian berbesar hati untuk meningkatkan jumlah agihan daripada RM1.00 bagi setiap RM10.00 kepada RM5.00 bagi setiap RM10.00 yang dikutip di setiap negeri. Pembahagian kepada setiap negeri akan dibuat secara saksama berdasarkan peratusan kutipan Cukai Pelancongan di negeri masing-masing.

Setiap negeri boleh menggunakan peruntukan ini bagi membangunkan sektor pelancongan masing-masing khususnya promosi dan pemasaran destinasi dengan lebih agresif, penganjuran acara-acara pelancongan, pembangunan modal insan serta penyelenggaraan projek-projek pelancongan berskala kecil.

Sekian, terima kasih.